



## UPM Menang Emas BIOMALAYSIA



*Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tertarik dengan hasil penyelidikan UPM sambil diberi penerangan oleh Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.*

**KUALA LUMPUR, 9 Oktober** – Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Madya Dr. Lai Oi Ming memenangi pingat emas Bio-Inno Awards pada Pameran BioMalaysia 2008.

Beliau yang juga pensyarah dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM memenangi anugerah itu dengan produk Production of Palm-Based Anti Obesity Functional Oil iaitu penemuan sejenis minyak dikenali DAG yang dapat mengurangkan berat badan dan lemak badan.

"Penggunaan minyak ini dapat mengurangkan selera makan serta boleh mengurangkan kandungan lipid darah," katanya yang turut memenangi pingat perak dalam anugerah sama melalui produk Novel Process for Production of Palm Diacylglycerol as Anti-Obesity Functional Fat.

"Minyak itu tidak menghalang penyerapan vitamin ke badan manusia serta menjana sumber tenaga kepada manusia. Ia juga kurang disimpan sebagai lemak dalam badan," katanya.

UPM turut memenangi pingat gangsa melalui Prof. Dr. Asmah Rahmat dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan produk Strobilanthes Cripus Juice (SCJ): High in Antioxidant and Great Potential for Wound Healing for Diabetic Patients.

UPM menghantar lima hasil penyelidikan dalam pameran yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 7 - 9 Oktober 2008 baru-baru ini.

UPM turut diberikan sijil bersama tujuh buah universiti lain dan sebuah institut penyelidikan yang terpilih menyertai Program BioNexus Partnes kelolaan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp).

BioMalaysia 2008 telah dirasmikan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sementara Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili menyampaikan anugerah kepada pemenang.

Pameran itu yang bertemakan Strengthening Value Creation in Biotechnology memfokuskan aspek pertanian, penjagaan kesihatan dan bioteknologi industri, merupakan platform terbaik kepada penyelidik mewujudkan jaringan industri bioteknologi di dalam atau di luar negara.

Sebanyak 73 penyertaan pameran yang terdiri daripada syarikat swasta, agensi kerajaan, badan berkanun, institut penyelidikan dan institusi pengajian tinggi telah menyertai pameran yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan BiotechCorp.

**Oleh: Bahagian Promosi, Pusat Pengurusan Penyelidikan.**